



BINA AYAT



TEKNIK MEMBINA AYAT

- ✓ Dalam peperiksaan, kamu **tidak boleh** menambah **imbuhan**, **menggandakan** perkataan tersebut atau menggunakannya dalam bentuk **peribahasa**.
- ✓ Ayat yang dibina haruslah terdiri daripada **SATU ayat sahaja**. Oleh itu, pelajar yang membina dua ayat tidak akan diberikan markah.
- ✓ Ada pelajar yang seolah-olah membina sepotong ayat, tetapi sebenarnya membina dua ayat.


Contoh : Dia terpaksa membuat **pengakuan** terhadap kesalahannya, dia berasakan bahawa dia patut menerima hukuman yang ringan.

Ayat 1 : Dia terpaksa membuat **pengakuan** terhadap kesalahannya.

Ayat 2 : Dia berasakan bahawa dia patut menerima hukuman yang ringan.

- ✓ Ayat yang kamu bina haruslah **menggambarkan pemahaman** kamu dan **menunjukkan makna** perkataan tersebut.
- ✓ Untuk membuat demikian, jadikan perkataan yang diberikan sebagai **KATA FOKUS**.
- ✓ Fikirkan dan catatkan beberapa perkataan / frasa yang **berkaitan** dengan **KATA FOKUS** tersebut.

Contoh :



- ✓ Kemudian, gabungkan perkataan / frasa yang telah kamu fikirkan dengan **KATA FOKUS** tersebut untuk membina sepotong ayat.

Contoh Ayat :

Pemuda yang ditimpa **kemiskinan** itu terpaksa meminta sedekah dengan berpakaian koyak-rabak walaupun sering dihina orang kerana menjadi sampah masyarakat.

- ✘ **Elakkan** membina ayat yang **tidak menunjukkan makna** perkataan tersebut.

Contoh : Kakak menerangkan makna perkataan **kemiskinan** kepada adik.
Hamid tidak dapat membina ayat daripada perkataan **menggalas**.

- ✓ Pastikan ayat yang dibina **tidak ada kesalahan tatabahasa** seperti ejaan, frasa, tanda baca dan struktur ayat. Jika ayat menggambarkan makna, tetapi ada kesalahan tersebut, **markah akan dipotong**.
- ✓ Lihat panduan pemarkahan di halaman sebelah.

**PEMARKAHAN AYAT
RUBRIK CONTOH**

	PENERANGAN	MARKAH
1.	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Tidak mengandungi sebarang kesalahan. ◆ Jelas maksud keseluruhannya berdasarkan penggunaannya. 	3 (penuh)
2.	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Mengandungi sedikit kesalahan (dari segi tanda baca, ejaan, imbuhan dsb) tetapi jelas maksud keseluruhannya. <p style="text-align: center;">ATAU</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Tidak mengandungi sebarang kesalahan tetapi kurang menunjukkan makna perkataan / frasa. 	2
3.	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Mengandungi beberapa kesalahan (dari segi tanda baca, ejaan, imbuhan dsb). <p style="text-align: center;">ATAU</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Mengandungi sedikit kesalahan (dari segi tanda baca, ejaan, imbuhan dsb) dan kurang menunjukkan makna perkataan / frasa. <p style="text-align: center;">ATAU</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Mengandungi beberapa kesalahan struktur tetapi maksud keseluruhannya masih boleh difahami. 	1
4.	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Ayat salah sama sekali. 	0

SOALAN BINA AYAT
PEPERIKSAAN GCE 'O' MEI / NOV 2000 – 2004

MEI 2000

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
1.	terputus	terhenti	Bekalan elektrik <u>terputus</u> akibat disambar petir.
2.	kehendak	keinginan, kemahuan, hajat	<u>Kehendak</u> adik untuk membeli mainan itu terpaksa dituruti kerana jika tidak dia akan menangis teresak-esak.
3.	kecundang	kalah, gagal, tewas	Pasukan bola sepak Manchester United kecewa kerana <u>kecundang</u> dalam pusingan terakhir itu.
4.	secara kecil-kecilan	tidak secara besar-besaran	Majlis itu dibuat <u>secara kecil-kecilan</u> sahaja kerana tidak mahu membazirkan wang.
5.	amat memeranjatkan	sangat mengejutkan	Berita tentang kematian nenek <u>sangat memeranjatkan</u> kerana di kelihatan sihat semalam.

NOV 2000

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
6.	nyata	benar-benar ada, jelas dan terang	Para pelajar akan mudah memahami pengajaran seseorang guru jika dia menerangkan sesebuah topik dengan <u>nyata</u> sekali.
7.	halangan	rintangan, aral, gangguan	Jika tidak ada apa-apa <u>halangan</u> , mereka akan meneruskan penjelajahan ke seluruh Eropah.
8.	kesabaran	perihal sabar	Ayah tidak dapat menahan <u>kesabarannya</u> lalu dia memukul adik.

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
9.	tidak putus-putus	tidak henti-henti, berturut-turut	Pelanggan yang datang ke gerainya tidak putus-putus kerana dia telah menggunakan pelaris untuk memajukan perniagaannya.
10.	menjadi kebiasaan	kelaziman, seperti sedia kala	Sudah menjadi kebiasaan bagi adik mencuri kerana dia tidak pernah ditangkap.

Mei 2001

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
11.	gelisah	hati yang tidak tenang, tidak tenteram, risau	Ibu bapa Razali berasa gelisah apabila anak dara mereka sedang menjalani pembedahan.
12.	memaparkan	membentangkan, menghuraikan	Majalah Manja bulan ini memaparkan tentang kisah seorang selebriti yang berjaya.
13.	memulakan	mula membuat sesuatu	Razif memulakan ceritanya dengan menceritakan pengalamannya sebagai seorang askar.
14.	memainkan peranan	melakukan sesuatu, memegang watak	Jennifer memainkan peranan sebagai seorang pembantu rumah dalam filem The Maid.
15.	menimba pengalaman	mendapatkan sesuatu yang dialami	Kami telah menimba pengalaman yang tidak dapat dilupakan sewaktu mendaki Gunung Ledang.

Nov 2001

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
16.	kelihatan	dapat dilihat, nampak	Muka Shikin kelihatan layu sahaja sejak dia memutuskan hubungan dengan tunangnya.
17.	renggang	tidak rapat	Hubungan mereka berdua sudah menjadi renggang akibat pergaduhan yang berlaku kelmarin.

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
18.	diabaikan	tidak dipedulikan	Semua tanggungjawab ayah <u>diabaikan</u> semenjak dia mempunyai isteri yang baru.
19.	menjadi contoh	diikuti sebagai contoh	Abang harus menunjukkan perangai yang baik kerana dia akan <u>menjadi contoh</u> kepada adik-adiknya.
20.	tanpa gangguan	tiada rintangan	Harun dapat belajar dengan tenang <u>tanpa gangguan</u> adik-adiknya.

MEI 2002

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
21.	teguh	tidak mudah roboh, kuat, tidak merosot (ekonomi), tidak berubah (pendirian, kesetiaan)	Hasnah <u>teguh</u> dengan pendiriannya untuk belajar di luar negara walaupun tidak dipersetujui orang tuanya.
22.	keyakinan	kepercayaan yang sungguh-sungguh, kepastian	Basir mempunyai <u>keyakinan</u> bahawa dia akan berjaya jika dia berusaha dengan gijih.
23.	diselesaikan	dilaksanakan	Kerja-kerja yang tertunggak harus <u>diselesaikan</u> dengan segera.
24.	saling menghormati	memuliakan satu sama lain	Masyarakat yang berbilang kaum harus <u>saling menghormati</u> jika inginkan negara terus maju dan makmur.
25.	memberikan sumbangan	menghulurkan sesuatu sebagai pemberian	Setelah tamat pengajian saya nanti, saya akan <u>memberikan sumbangan</u> yang sewajarnya kepada orang tua saya demi membalas jasa mereka.

NOV 2002

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
26.	cekap	mahir, pandai	Pekerja yang cekap akan dapat menyelesaikan tugasnya dengan sempurna.
27.	keadaan	suasana, rupa atau sifat sesuatu yang dapat dilihat	Keadaan di rumah itu sunyi-sepi aemenjak anak sulungnya berangkat ke luar negara.
28.	dikhianati	diperdaya, dicelakakan	Aminah berasa dikhianati apabila rahsianya dibocorkan oleh Hasnah, teman karibnya.
29.	dapat memastikan	berjaya menentukan sesuatu	Dengan memasang kamera litar tertutup, penghuni rumah itu dapat memastikan keselamatan keluarganya terjamin.
30.	menceburkan diri	memasuki sesuatu yang diminati	Pak Ngah telah menceburkan diri dalam bidang seni kerana meminatinya semenjak berumur sepuluh tahun.

MEI 2003

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
31.	hebat	teramat sangat / luar biasa (bagus, gagah, kuat dsb)	Ani merupakan seorang murid yang hebat kerana dia telah berjaya mewakili Singapura dalam acara renang di Sukan SEA.
32.	kelayakan	kebolehan, kecekapan	Dia pasti diterima bekerja oleh syarikat itu kerana kelayakannya sesuai dengan keperluan syarikat itu.
33.	dilaksanakan	dibuat, diselesaikan	Semua kerja itu dilaksanakan oleh Alfian seorang kerana dia seorang pelajar yang rajin.

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
34.	meraih kejayaan	memperoleh suatu kemenangan, hasil	Setelah bertungkus lumus mengulang kaji pelajaran, Amin akhirnya berjaya meraih kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.
35.	semakin menjadi-jadi	bertambah teruk	Perangai adik semakin menjadi-jadi apabila dia sudah mula menengking ibu secara terang-terangan.

NOV 2003

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
36.	cabang	Bahagian sesuatu jalan, cawangan, bahagian kecil daripada sesuatu lapangan pengetahuan, bahagian yang tumbuh daripada dahan pokok	Bagi memantapkan lagi syarikatnya, Encik Lim akan membuka sebuah cabang baru di utara Singapura.
37.	keterlaluhan	keadaan yang melampaui batas	Kenakalan Abu menjadi keterlaluhan sehingga dia terpaksa dihantar ke rumah kebajikan untuk memulihkan akhlakunya.
38.	ditubuhkan	dibangunkan	Persatuan Bahasa Melayu di sekolah itu ditubuhkan pada tahun 1995.
39.	tanpa sengaja	tidak berniat untuk melakukan sesuatu	Farhan melukakan hati gadis itu tanpa sengaja apabila dia terlupa akan temu janji dengannya semalam.
40.	membesar-besarkan	menjadikan perkara yang remeh itu serius	Noraini sengaja membesar-besarkan kesalahan kecil yang dilakukan Ahmad kerana mahu Ahmad dihukum oleh guru.

MEI 2004

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
41.	bakal	yang akan menjadi pada masa depan	Bakal suaminya itu dilayan dengan baik sekali kerana mereka akan berkahwin tidak lama lagi.
42.	pengawalan	perbuatan menjaga, meronda	Hanya orang yang bekerja di situ sahaja yang dibenarkan masuk ke bangunan itu kerana pengawalan yang ketat.
43.	diutamakan	diberikan kepentingan	Keluarga harus diutamakan dalam kehidupan kita kerana siapalah kita tanpa mereka.
44.	mempelbagaikan usaha	membuat sesuatu dengan pelbagai cara	Sebagai ketua keluarga, Fahmi terpaksa mempelbagaikan usaha untuk mendapatkan wang untuk menampung perbelanjaan keluarganya.
45.	secara terang-terangan	dengan jelas/terbuka, dengan tidak bersembunyi	Apabila Jamilah membawa masuk cakera padat video haram secara terang-terangan , dia ditahan dan dikenakan denda di kastam Singapura.

NOV 2004

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
46.	bekas	tanda yang terdapat pada sesuatu setelah dipegang, kesan, pernah menjadi	Bekas cap jarinya di tempat kejadian telah membuktikan bahawa dialah yang melakukan jenayah itu.
47.	pembuangan	perbuatan menghapuskan	Pembuangan sampah di kolong blok akan semakin menjadi-jadi jika tindakan tidak diambil oleh pihak yang berkuasa.

NO	PERKATAAN	MAKNA	AYAT CONTOH
48.	dimusnahkan	dihancurkan, dibinasakan	Bangunan yang usang itu akan <u>dimusnahkan</u> tidak lama lagi supaya bangunan yang baru dapat dibina di situ.
49.	kekal bersaing	sentiasa bertanding	Orang Melayu harus bekerja keras jika mahu <u>kekal bersaing</u> dengan bangsa Cina di Singapura.
50.	secara berturut-turut	dengan cara berulang-ulang, tanpa henti-henti	Semua kerja rumahnya dilakukan <u>secara berturut-turut</u> tanpa rehat kerana dia ingin menghabiskannya secepat mungkin.